

Dato Paduka Awang Haji Matussin bin Omar



Dilahirkan pada 16 November 1948 di Kampong Sumbiling Lama. Menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (1955 hingga 1958) dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (1959 hingga 1968). Beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dari tahun 1969 hingga 1973 dengan memperolehi ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sosiologi dan Antropologi dan pada tahun 1976, beliau dihantar oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melanjutkan pelajaran melalui Skim Latihan Dalam Perkhidmatan ke Australian National University, Canberra dan memperolehi ijazah Sarjana dalam bidang Prasejarah pada tahun 1979.

Memulakan kerjaya sebagai guru di Maktab Seri Begawan Sultan. Di akhir tahun 1973, beliau beralih arah ke Jabatan Muzium-Muzium dengan memegang jawatan sebagai Pegawai Arkeologi. Pada tahun 1977, beliau dilantik menjadi Kurator Arkeologi. Pada 1 Januari 1983 hingga 1987, beliau memegang jawatan Timbalan Pengarah di Jabatan Muzium-Muzium dan pada tahun 1987, dilantik menjadi Pengarah Muzium-Muzium Brunei sehingga 1995.

4 Disember 1995, beliau dilantik menjadi Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Di Kejohanan Sukan SEA ke-19 yang berlangsung di Jakarta, Indonesia, beliau dipilih menjadi ‘Chief de Mission’ bagi pasukan Negara Brunei Darussalam. Beliau juga pernah memangku jawatan Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Selain daripada bidang penulisan beliau juga bergiat dalam mencipta senikata lagu untuk sambutan Hari Keluarga Bahagia dan bersempena Hari Muzium Antarabangsa bagi Negara Brunei Darussalam yang diberi tajuk ‘Muzium Brunei’.

Hasil Penulisan

- A preliminary account of surface finds from Tanjung Batu Beach, Muara.
- Archaeological excavation in protohistoric Brunei, 1978.
- Archaeology and the reconstruction of Brunei's early history.
- Batu nisan Aceh di Brunei.
- Distribution of Chinese and Siamese ceramic in Brunei.
- Islam di Brunei dari perspektif akiologi.
- Meriam Sepanyol di Kampong Ayer.
- Pengaruh Islam ke atas peralatan budaya orang-orang Melayu Brunei.
- Penggalian bahan-bahan purbakala.
- Peniup umpong dengan Puteri Gunong Maulu.
- Radiocarbon dates from Kupang and Sungai Lumut, Brunei.
- Tembok batu abad ke-15/16 Masehi di Kota Batu: laporan ringkas / Matussin Omar dan Ahmad Sha'ari.
- The Stone Age Brunei / P M Shariffuddin and Matussin bin Omar.
- Trade patterns and political developments in Brunei and adjacent areas, A.D. 700 – 1500.
- Mengakas Yang Terpendam : Pengenalan Umum Tentang Arkeologi

Anugerah

- Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga, S.M.B. pada tahun 1986.
- Darjah Setia Negara Brunei Darjah Ketiga (S.N.B.) pada 15 Julai 1991.
- Pingat Jubli Perak (1993).
- Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) pada 15 Julai 1994.
- Pingat Kerja Lama (P.K.L), 1996.
- Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K), 1999.